

24 MAY 1996

PALACE OF GOLDEN HORSES SIAP 30 PERATUS

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- The Palace of Golden Horses, sebuah hotel bertaraf lima bintang dengan 485 bilik di Mines Resort, Sungei Besi sekarang telah siap 30 peratus, kata seorang pegawai pembinaan yang terlibat.

Hotel yang berharga RM249 juta itu, dan dimiliki oleh Country Heights Holdings Bhd, dijangka akan beroperasi menjelang 1998 bersempena dengan sukan Komanwel 1998.

"Kami berharap akan menyiapkan hotel itu menjelang penghujung 1997," kata Gerald L. Allison, presiden Wimberly, Allison, Tong & Goo (WAT&G), iaitu jurubina perunding bagi projek itu.

Pembinaan telah bermula pada 7 Jan tahun ini dengan pelancaran dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

The Palace of Golden Horses ialah hotel peranginan bertaraf dunia dan pusat persidangan dengan pemandangan menghala ke kawasan seluas 60 hektar yang mengandungi padang golf dan tasik.

Hotel itu akan diuruskan oleh Signature Group Hotels Sdn Bhd, 60 peratus dipunyai oleh Country Heights dan 40 peratus oleh Sovereign Hotel Group Ltd. -- BERNAMA

YY RIF SIA